

08 OCT 1996

ICJ-Reaksi

PELBAGAI PIHAK SAMBUT BAIK ISU SIPADAN-LIGITAN DIBAWA KE ICJ

Oleh: Khairdzir Yunus

JAKARTA, 8 Okt (Bernama) -- Kesepakatan yang dicapai Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan Presiden Suharto untuk menyerahkan masalah pulau Sipadan dan Ligitan kepada Mahkamah Antarabangsa (ICJ) di The Hague, Belanda, disambut baik pelbagai kalangan, termasuk akhbar dan kaum intelektual negara ini.

Beberapa akhbar utama yang mengupas isu itu dalam lidah pengarang masing-masing hari ini memuji langkah yang diambil kedua-dua pemimpin sebagai yang terbaik bagi menyelesaikan masalah itu serta mengelaknya daripada berpanjangan.

Harian "Bisnis Indonesia" berkata dengan membawa isu Sipadan-Ligitan ke ICJ, hubungan antara kedua-dua negara kini memasuki babak baru.

Menurut akhbar itu, keputusan kedua-dua pemimpin telah membuka isu yang selama ini "tertutup" agar diselesaikan secara antarabangsa dengan penuh ketelusan.

"Kita berharap Mahkamah Antarabangsa dapat mengambil keputusan yang tepat dan memuaskan semua pihak. Kalau keputusan itu tidak diterima salah satu pihak, maka kita boleh membayangkan kesannya," kata akhbar itu.

Menurut akhbar itu, masalah Sipadan-Ligitan hanyalah bahagian kecil dari sekian banyak masalah yang membabitkan kedua-dua negara seperti masalah pekerja Indonesia di Malaysia, Zon Ekonomi Eksklusif dan masalah sempadan laut antara kedua-dua negara.

"Konflik kedua-dua pulau mini itu sangat kecil dibandingkan sisi positif hubungan kedua-dua negara. Kedua-dua pihak telah menjalin kerjasama antara lain di bidang pelaburan, pendidikan, ilmu pengetahuan dan teknologi, pelancongan dan pembangunan tiga kawasan pertumbuhan.

"Kita tidak percaya bahawa masalah Sipadan-Ligitan akan membawa kedua-dua negara kepada sebuah krisis. Iklim regional tidak memungkinkan timbulnya krisis antara anggota Asean sebab masalah yang dihadapi bakal jauh lebih berat," tambahnya.

"The Jakarta Post" pula berkata satu penyelesaian mutlak diperlukan sekiranya kedua-dua negara mahu mengeluarkan "duri" yang masih tertinggal dalam hubungan kedua-dua negara.

Harian berbahasa Inggeris itu berkata, kedua-dua Presiden Suharto dan Dr Mahathir harus diberi pujian kerana selama ini dapat mengawal masalah itu daripada menjadi sengketa yang lebih serius serta tidak menjejaskan hubungan dua hala kedua-dua negara.

"Walaupun perundingan-perundingan yang diadakan sebelum ini gagal mencapai persetujuan tetapi sekurang-kurangnya ia membuktikan kesungguhan kedua-dua negara untuk menyelesaikan masalah itu melalui cara-cara damai," tambahnya.

Harian "Media Indonesia" pula memuji keputusan Presiden Suharto itu sebagai memperlihatkan sikap kenegarawanannya.

"Dengan demikian, persoalan yang harus diakui mempunyai potensi untuk memicu konflik di kawasan Asean ini, dapat disalurkan ke forum yang rasional, mempunyai reputasi antarabangsa dan jauh daripada letupan-letupan emosional. Hasilnya, hubungan bilateral antara kedua-dua negara serumpun yang selama ini berjalan akrab, dapat dipertahankan bahkan ditingkatkan," kata Media Indonesia.

Beberapa tokoh intelektual pula berkata, kesepakatan untuk menyerahkan masalah itu kepada ICJ itu merupakan jalan terbaik, namun mereka berpendapat Malaysia hendaklah memelihara "status quo" Pulau

Sipadan-Ligitan sementara menunggu proses ICJ.

Timbalan Gabenor Lembaga Pertahanan Nasional Prof Dr Juwono Sudarsono, yang juga Dekan Fakultas Ilmu Sosial dan Politik Universitas Indonesia, berkata masalah itu tidaklah terlalu penting tetapi sebagai prinsip, harus diusahakan penyelesaian yang terbaik.

"Untuk itu diperlukan badan yang cukup bebas guna memecahkan masalah itu," katanya.

Seorang pemerhati masalah ketenteraan antarabangsa, Lt Jen (Bersara) Hasnan Habib menyifatkan keputusan kedua-dua pemimpin untuk membawa perkara itu ke ICJ sebagai sangat tepat.

"Mahkamah antarabangsa adalah tepat menjadi pilihan berbanding Dewan Tinggi Asean. Jika melibatkan Dewan Tinggi Asean, boleh menimbulkan perpecahan antara negara Asean. Tentu sahaja ada negara Asean yang menyokong Indonesia, sementara yang lainnya menyokong Malaysia," katanya.

-- BERNAMA

KHY AHH